

## KEPELBAGAIAN ELEMEN BUDAYA DALAM PENGAJARAN PENDIDIKAN ISLAM: ISU DAN KEPENTINGAN

Noraini Omar [1], Mohd Aderi Che Noh [2], Mohd Isa Hamzah [3]

### ABSTRACT

In order to produce a generation of students who have an influential quality, coherence with physical, emotional, spiritual and intellectual as well as being able to interact with people from different cultures therefore, an application of multi-cultural element is to be carried out during the process of teaching and learning in Islamic Education. The case study was implementing as a qualitative approach and participants were selected among the outstanding teachers of Islamic Education by purposive sampling study. In-depth interviews and classroom observation as data collection were analyzed using the Atlas software. 7.1.7. The findings demonstrate that the application of elements of various cultures in the teaching of Islamic Education has been identified as a mechanism to develop relationship, to confirm the universality of Islam, dakwah methodology and the requirements of curriculum. The result also reveals some existing obstacles in implementing these elements, namely the constraints of teachers, lack of reading and less training. Although this study showed that the Islamic Education teachers in this study attempted to implement various cultural elements in their teaching, the level of implementation of these elements is still at an acceptable level. Hence, the Islamic Education teachers must enhance their understanding, knowledge, skills, and expertise to improve and develop their skills in applying the elements of multicultural education in the teaching of Islamic Education.

---

**Keywords:** *Teaching, Islamic Education, elements of culture, cultural diversity*

[1] Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
noraini2224@gmail.com

[2] Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
aderi@ukm.edu.my

[3] Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
cher@ukm.edu.my

### PENDAHULUAN

Pada dasarnya, Islam tidak menentang konsep kepelbagaian budaya malah ajaran Islam seiringan dengan konsep kepelbagaian budaya. Hal ini kerana ajaran Islam menyarankan tentang pentingnya untuk menghormati dan menghargai perbezaan-perbezaan yang ada dalam kalangan manusia. Dalam perspektif Islam, pendidikan berasaskan kepelbagaian budaya ini mempunyai prinsip demokrasi, kesetaraan, dan keadilan yang memang bersesuaian dengan ajaran Islam. Sebagaimana disebut di dalam Al-Quran (*Al-Syuura*, 42:38; *Al-Hadiid*, 57:25; *Al-A'raf*, 7:181) yang telah merumuskan bahawa, setiap manusia mempunyai hak untuk mendapatkan keadilan sama ada dari segi ucapan, atau perkataan, sikap dan perbuatan. Perbuatan adil ini juga perlu dilakukan semasa interaksi antara orang Islam dan bukan Islam, Arab dengan bukan Arab dan antara orang kulit putih dengan orang yang berkulit hitam (Abdul Latif, 1999). Ini menjelaskan manusia secara fitrah dijadikan Allah SWT dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua harus menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku (Nazri, Nik Yusri, & Ahmad Hidayat, 2011). Banks dan Banks (1993, 2005) menyatakan bahawa peningkatan kepelbagaian yang berlaku di sekolah menyebabkan guru perlu membangunkan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan supaya mereka boleh berinteraksi dan bekerja dengan berkesan bersama pelajar yang terdiri daripada pelbagai budaya, bahasa, dan etnik. Oleh itu, dalam konteks pendidikan di Malaysia, aspek kebudayaan dan masyarakat perlu dititik beratkan kerana pelajar secara realitinya hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum, agama dan budaya.

## Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam

Pengajaran merupakan satu proses yang merangkumi aktiviti-aktiviti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas. Ia bertujuan menyebarkan ilmu pengetahuan atau kemahiran tertentu. Fungsi pengajaran adalah menghasilkan pembelajaran yang efektif, insan yang seimbang dan harmonis, berilmu pengetahuan serta berakhhlak mulia. Oleh itu satu sesi pengajaran yang baik perlu melibatkan kemahiran guru memadankan kaedah mengajar dengan objektif pembelajaran pelajar dan gaya pembelajaran mereka (Shahabuddin, Rohani, & Mohd. Zohir, 2003). Manakala pembelajaran pula merupakan aktiviti mental, fizikal atau rohani kepada diri pelajar itu sendiri. Ianya merupakan proses di mana individu dapat mengubah sikap dan tingkah laku mereka supaya berkembang secara berterusan dan tekal serta mampu menggunakan ilmu dan kemahiran yang diperoleh bagi kemajuan diri sendiri khasnya dan masyarakat atau negara amnya. Oleh itu pembelajaran dikatakan berlaku apabila terdapat perubahan perlakuan, pemikiran, persepsi dan afektif termasuk perasaan, sikap dan nilai (Shahabuddin et al., 2003).

Dalam konteks Pendidikan Islam, pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam haruslah melihat kepada tujuan Pendidikan Islam itu sendiri; sebagaimana yang dinyatakan oleh Hassan (1980), proses penyiapan generasi muda untuk mengisi peranan, memindahkan pengetahuan, nilai-nilai Islam yang diselaraskan dengan fungsi manusia untuk beramal di dunia dan memetik hasilnya di akhirat. Melalui proses pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ini, individu pelajar akan dibentuk, dibimbing rohani dan jasmani mereka untuk keperibadian yang menepati ukuran-ukuran Islam dan dapat mempersiapkan mereka untuk yang lebih baik dalam menghadapi masyarakat sekelilingnya (Marimba, 1980).

Justeru, pembentukan kurikulum secara umum atau Pendidikan Islam secara khusus, tidak akan lengkap dan sempurna sekiranya kaedah pengajaran dan pembelajaran tidak dititik beratkan (Ismail et al., 2011). Penguasaan ilmu dan pembentukan peribadi yang sempurna bukan sahaja berpunca daripada ketokohan dan keperibadian guru, bahkan berpunca daripada kurikulum yang lengkap dan disokong oleh kaedah pengajaran yang sempurna. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam juga merangkumi beberapa perkara iaitu motivasi, keperluan dan minat pelajar, memastikan tujuan belajar, mengetahui tahap kematangan pelajar, mengetahui perbezaan-perbezaan individu, memerhati kefahaman, integrasi antara pengetahuan sedia ada dengan keaslian, dan menjadikan proses pendidikan sebagai pengalaman yang menggembirakan pelajar (Azyumardi, 2012).

Namun, laporan Jawatankuasa Kabinet (1979) bagi mengkaji pelaksanaan dasar pelajaran, mendapati bahawa tahap amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam masih rendah mutunya. Begitu juga Mohd Aderi (2008) mendapati bahawa amalan pengajaran guru di Malaysia masih lagi pada tahap yang sederhana. Guru-guru masih lagi didapati mengamalkan pendekatan yang mudah atau lama (*chalk and talk*) iaitu pendekatan menyampaikan maklumat kepada pelajar secara sehala sahaja. Pendekatan penggunaan bahan bantu mengajar dan kerja-kerja amali kurang diperlakukan (Suhaimi, 2008). Dengan lain perkataan, strategi pembelajaran lebih berfokus dan berpusatkan kepada guru.

## Konsep Kepelbagaian Dalam Pengajaran Pendidikan Islam

Konsep kepelbagaian budaya dalam pengajaran Pendidikan Islam merangkumi kepelbagaian bahasa, budaya, latar belakang dan amalan masyarakat. Hal ini kerana manusia secara fitrah dijadikan Allah SWT dalam bentuk, kelompok dan budaya yang berbeza dan semua mestilah menerima dan menghormati kepelbagaian dan perbezaan itu sebagai satu lumrah dan hukum alam yang akan terus berlaku. Menurut Ahmad Ali dan Wati (2012), kepelbagaian budaya di Malaysia adalah bersesuaian dengan prinsip Islam dalam isu etnisiti. Dalam hal ini Islam mengiktiraf kemuliaan setiap manusia tanpa mengira etnik namun kemuliaan manusia terletak pada sejauh mana nilai ketaqwaannya kepada Allah SWT. Justeru, kepelbagaian dan perbezaan itu bukanlah faktor untuk berpecah-belah dan bermusuhan (Nazri, Nik Yusri, & Ahmad Hidayat, 2011), malah seharusnya untuk saling kenal-mengenali, beramah mesra antara satu dengan yang lain dan bantu membantu antara satu sama lain agar kedamaian dan kemakmuran hidup bersama dapat dicapai (QS:49:13).

Mata pelajaran Pendidikan Islam juga tidak terkecuali dalam meraikan kepelbagaian budaya yang terdapat dalam kalangan murid malah Pendidikan Islam dilihat sebagai satu mekanisme untuk menyatakan

kepelbagaian budaya yang ada dalam kalangan murid. Hal ini kerana matlamat yang hendak dicapai menerusi pengajaran Pendidikan Islam ialah melahirkan murid yang mempunyai ciri-ciri yang mantap serta kukuh iman dan taqwa sebagai benteng ketahanan diri, menguasai ilmu fardu ‘ain dan fardu kifayah, sebagai pedoman dan amalan hidup, mengamalkan tuntutan fardu ‘ain dan fardu kifayah bagi memenuhi tanggungjawab ibadah dan berakhhlak mulia sebagai pelengkap diri dan tonggak budaya (Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam KBSM, 2002).

Oleh itu, Kurikulum Pendidikan Islam telah mendukung cita-cita murni dan unggul selaras dengan hasrat dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Jika dilihat dari aspek matlamatnya, falsafah dan nilai-nilai yang dibawakan oleh Pendidikan Islam adalah bersumberkan al-Quran dan Sunnah. Matlamat, falsafah dan nilai dalam Pendidikan Islam yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang menjadi asas kepada budaya dan tamadun manusia. Begitu juga fungsinya untuk membangunkan tingkah laku, kemahiran, keperibadian dan pandangan hidup sebagai hamba Allah SWT untuk pembangunan diri, masyarakat, alam sekitar dan negara hendaklah dihayati dan difahami oleh para pendidik supaya matlamat ini dapat disuburkan dalam jiwa pelajar. Justeru itu, bagi mencapai matlamat falsafah Pendidikan Islam, konsep pengajaran Pendidikan Islam adalah meliputi aspek teori dan amali yang merupakan gabungan pelbagai kaedah pengajaran dan pendekatan pengajaran dalam menyampaikan ilmu Pendidikan Islam.

Kepelbagaian pemikiran, sikap, nilai dan amalan dalam kalangan murid berlaku hasil daripada perbezaan persekitaran. Begitu juga dalam isu kepelbagaian bahasa dan penguasaan bahasa etnik, sesuatu bahasa tetap dipengaruhi oleh faktor budaya. Oleh itu, untuk mengetahui sesuatu makna dengan tepat, maka kita terpaksa merujuk kepada faktor-faktor kebudayaan. Justeru seorang guru Pendidikan Islam perlu peka bahawa hubungan antara bahasa dan sosio budaya adalah penting. Hal ini kerana tugas guru Pendidikan Islam bukan sekadar menyampaikan ilmu malah juga berperanan sebagai pendakwah dan *murabbi* kepada murid mereka. Berdasarkan tuntutan inilah, kurikulum Pendidikan Islam telah menyisipkan nilai-nilai sejagat yang boleh dikongsi oleh masyarakat majmuk di Malaysia. Kesemua nilai-nilai ini adalah bertujuan untuk mewujudkan masyarakat yang harmoni dan aman sejahtera, sekali gus memenuhi hasrat pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam khususnya.

Oleh itu intipati ajaran Islam dalam pengajaran boleh dan sesuai untuk diserapkan ke dalam penggunaan mana-mana bahasa sekalipun. Malah menjadi satu kelebihan pada seorang guru yang berperanan sebagai *da'i* jika dapat menguasai lebih daripada satu bahasa. Sebagaimana dirakamkan di dalam al-Quran tentang kelebihan yang terdapat pada nabi Sulaiman a.s yang boleh menguasai bahasa binatang, jin dan sebagainya. Walaupun Islam telah menjadikan bahasa Arab sebagai bahasa rasmi agama Islam, namun bukan bererti bahasa-bahasa lain tidak berfungsi, bahkan Islam telah mengiktiraf mana-mana bahasa yang digunakan di dunia justeru kebolehan menguasai kepelbagaian bahasa sekali gus akan dapat membantu untuk menguasai budaya sesuatu kaum dan bangsa yang pelbagai. Hal ini kerana pendakwah merupakan jurubicara Islam kepada manusia (Syed Abdurahman, 2005).

## PENYATAAN MASALAH

Penyelidikan mengenai amalan pengajaran guru Pendidikan Islam mendapati pengajaran dan pembelajaran guru pendidikan Islam masih lagi tidak berjaya menerapkan nilai-nilai sosial kepada murid di Malaysia (Azhar, 2006). Seharusnya GPI yang baik akan cuba memenuhi sasaran Pendidikan Islam dari aspek kognitif (pemberian ilmu pengetahuan), afektif (pembentukan tingkah laku) dan psikomotor (kebolehan bertindak dan beramal untuk Islam) (Ab. Halim, 2005), tetapi sebaliknya berlaku di mana pengajaran guru Pendidikan Islam hanya tertumpu kepada aktiviti bagi menghabiskan sukan pelajaran untuk peperiksaan (Ahmad Munawar, 2009; Fathiyah, 2010). Amalan pengajaran yang berkesan berfungsi untuk menghasilkan pembelajaran yang efektif dalam bilik darjah (al-Syaibani, 1991; Atan 1991; Mohd. Aderi, 2008) dan pengajaran guru juga hendaklah dirancang di samping memberikan pertimbangan kepada kepelbagaian pelajar (Ahmad, 1997; Mohd Yusuf, 2002). Namun, terdapat kajian menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam masih bertumpu kepada pengajaran berbentuk tradisional dan masih belum kreatif dalam menggunakan bahan pengajaran dan pendekatan pengajaran, malah tahap pengajaran mereka masih pada tahap sederhana (Mohd. Aderi, 2008).

Kajian Samsudin (2006) mendapati guru lebih banyak menggunakan budaya masyarakat Melayu dalam pengajaran. Kelemahan ini menjadikan generasi pelajar Muslim cacat atau kekok apabila berhadapan dengan

masyarakat yang berlainan agama dan budaya; mereka juga tidak memahami aspek psikososial masyarakat pelbagai agama dan budaya yang banyak di negara ini sehingga mereka boleh hidup, bergaul dan seterusnya memberikan imej terbaik tentang Islam dan kehidupan seorang Muslim (Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi, 2010). Isu pendidikan yang bersifat statik, lapuk, stereotaip dan tidak menonjolkan kebudayaan pelbagai kaum serta lebih bersifat *Malay centric* (menggunakan contoh orang Melayu) sahaja tidak berlaku sekiranya guru Pendidikan Islam mempunyai kefahaman yang kukuh tentang pendidikan pelbagai budaya (Ahmad Ali & Wati, 2012). Oleh itu, penggunaan contoh yang pelbagai dan melibatkan semua murid perlu wujud supaya pembelajaran akan lebih berkesan (Kamaruddin, 2006; Najeemah, 2006); penggunaan kaedah yang sesuai bukan sahaja dapat membantu guru menyampaikan isi pelajaran malah guru boleh menggunakan keunikan pelbagai budaya dalam kalangan pelajar sebagai cara untuk menarik minat pelajar mempelajari pendidikan Islam dan sebagai cara untuk berdakwah.

Sebagaimana yang dihasratkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (2012), guru memainkan peranan penting dalam memastikan semua kumpulan etnik diwakili dengan memuaskan dalam bahan pengajaran di sekolah terutama dalam pemilihan bahan bantu mengajar supaya pendidikan pelbagai budaya dapat disampaikan dengan berkesan (Ahmad Ali, 2011; Najeemah, 2005; Syed Ismail & Ahmad Subki, 2010). Ini selari dengan kajian Brand (2007), Robert-Walter (2007), Ross (2008), dan Wubels et al. (2008) yang juga menyatakan bahawa latihan yang diperoleh oleh guru tidak menyediakan mereka untuk mengajar pelajar daripada pelbagai jenis kaum dan berlakunya ketidaksesuaian antara pengajaran guru dengan latar belakang pelajar yang mempunyai pelbagai budaya. Oleh itu, dalam konteks pengajaran Pendidikan Islam, guru perlulah menekankan aspek pendidikan merentas kurikulum dengan memberikan tumpuan dalam aspek pelbagai budaya, sama ada secara langsung ataupun sebaliknya ataupun sebagai aspek penyerapan (Sidek, 2006).

## SOROTAN LITERATUR

Kajian oleh Saidatul Nornis dan Budi Anto (2011) mendapati bahawa perbezaan daripada segi bahasa, agama dan kebudayaan dalam masyarakat di Sabah khususnya menyebabkan identiti etnik menjadi begitu jelas antara kumpulan-kumpulan etnik dan sering kali ciri perbezaan tersebut dijadikan satu sempadan yang memisahkan dan mengukuhkan lagi kekuatan ikatan antara anggota-anggota sesuatu kumpulan etnik dengan kumpulan etnik yang lain. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa dalam kalangan masyarakat pelbagai etnik di Sabah, pengiktirafan beberapa kumpulan etnik campuran menggambarkan masyarakat Sabah yang terdiri daripada pelbagai etnik ini lebih bersifat terbuka terhadap ciri-ciri kepelbagaian antara mereka. Oleh itu, proses interaksi individu merentasi pelbagai etnik, agama dan budaya dan tahap toleransi etnik dalam kalangan pelajar secara keseluruhannya didapati tinggi.

Rina (2010) telah menjalankan satu kajian analisis nilai-nilai pendidikan multikultural dalam teks mata Pelajaran Pendidikan Agama Islam SMA Kelas X. Kajian secara pendekatan kualitatif menggunakan kajian kepustakaan ini melihat bagaimana kepentingan pendidikan multikultural diintegrasikan dalam pendidikan Agama Islam SMA Kelas X diterjemahkan melalui buku teks yang ditulis oleh Syamsuri. Kajian beliau mendapati terdapat nilai-nilai pendidikan multikultural dalam buku teks tersebut di mana daripada 12 bab yang diajarkan dalam sukaan buku teks tersebut, 8 bab yang mempunyai nilai-nilai pendidikan multikultural iaitu nilai keadilan, nilai toleransi, nilai kesetaraan dan nilai demokrasi. Hal ini bersesuaian dengan matlamat pendidikan Islam yang sangat signifikan untuk mentransformasikan nilai-nilai pendidikan multikultural kerana matlamat pendidikan bukan hanya untuk pencapaian akademik sahaja malah jauh lebih penting untuk mewujudkan pelajar yang dapat memberi sumbangan dalam masyarakat yang pelbagai.

Ifa Afida (2012) telah melakukan kajian terhadap strategi guru dalam menerapkan nilai-nilai pendidikan multikultural di SMA Negeri Yosowilangan Kabupaten Lumajang. Kajian ini mendapati bahawa antara strategi yang digunakan oleh guru dalam menerapkan nilai-nilai pendidikan multikultural adalah dengan menggunakan pendekatan orientasi kurikulum yang meliputi kurikulum internal (mata pelajaran) dan kurikulum external (pengembangan diri, pembelajaran berbasis *out door*), pendekatan dan proses pembelajaran dengan strategi *active learning* dan belajar kelompok. Kajian ini juga mendapati pendidikan berdasarkan multikultural telah memberi kesan yang positif kepada pelajar di mana para pelajar telah menampakkan sikap yang toleransi; mereka telah memahami bagaimana bertingkah laku dengan rakan-rakan mereka dari pelbagai latar belakang, ras, etnik, agama, dan budaya budaya yang berbeza.

## OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

1. Meneroka kepentingan menerapkan elemen budaya dalam pengajaran Pendidikan Islam
2. Mengenal pasti kekangan yang dihadapi dalam melaksanakan penerapan elemen budaya dalam pengajaran Pendidikan Islam

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan reka bentuk kajian kes. Data dikumpul dengan menggunakan kaedah temu bual dan pemerhatian langsung pengajaran. Pemilihan peserta kajian adalah secara pensampelan bertujuan iaitu dalam kalangan guru Cemerlang Pendidikan Islam di SMK Negeri Sarawak. Data dianalisis menggunakan perisian Atlas ti.7.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Kepentingan Penerapan Elemen Budaya Dalam Pengajaran Pendidikan Islam

### Tuntutan Agama

Menurut Ustaz Fakhri, Ustazah Salmi, Ustaz Mawi dan Ustazah Hamdiah keperluan kepada penerapan elemen-elemen pelbagai budaya ini merupakan salah satu daripada tuntutan agama. Sebagai seorang da'i, guru seharusnya faham memahami ia merupakan tuntutan agama Islam. Menurut beliau:

*“...kalau saya jawab dalam bahasa mudah mungkin orang ingat saya berlakon kot, tapi sejurnya... saya akan jawab tuntutan agama Islam. Sebagai seorang da’ie, sepatutnya dan sewajibnya kita memahami bahawa itu sebahagian daripada tuntutan agama Islam dan satu cabang daripada syariat Islam...”* (Ustaz Fakhri S3 2013:TB1)

Beliau menambah bahawa sebagai salah satu daripada tuntutan agama maka beliau berpendapat matlamat kepada penerapan elemen ini nanti akan juga memartabatkan Islam itu sendiri. Ini dinyatakan oleh beliau melalui petikan berikut:

*“matlamatnya untuk memartabatkan Islam, saya kira ini satu tunjang daripadanya yang perlu kita tekankan. Itu satu inti pati yang perlu kita adalah...”*  
(Ustaz Fakhri S3 2013:TB1)

### Tuntutan kurikulum

Konsep perpaduan yang ditekankan dalam sistem pendidikan negara, seperti penglibatan murid dalam aktiviti ko-kurikulum misalnya merupakan salah satu daripada cara memupuk semangat perpaduan dalam kalangan murid sekolah. Oleh sebab itu, pihak pengurusan sekolah mengambil langkah untuk melibatkan semua murid yang pelbagai latar belakang dalam apa juga jenis persatuan ataupun kumpulan beruniform. Malah pengetua di S6 ini tidak membenarkan sama sekali dalam satu jenis permainan dimonopoli oleh satu kaum sahaja. Jelas beliau:

*“sebab itu pengetua kami pun mahu, kalau... ok, persatuan sekian-sekian, jangan satu bangsa sahaja dia kata, masukkan...baru ada perpaduan”*  
(Ustazah Hamdiah S6 2013:TB1)

Namun Ustazah Lyn memberi pandangan yang sedikit berbeza, menurut beliau:

*“...kalau pendidikan sendiri tidak melihat perkara ini adalah satu kepentingan, mungkin dia boleh pisahkan, asingkan sekolah ini, mungkin takkan adanya percampuran, bangsa, bahasa, agama ni...”*

*jadi memang betullah pendidikan ini memang ada penerapan dan tujuan ini....” (Ustazah Lyn S6 2013:TB1)*

Tetapi pandangan ini tetap menyatakan bahawa konsep perpaduan yang dikehendaki oleh kurikulum dan kehendak sistem pendidikan itu sendiri menjadi satu faktor penting untuk menerapkan elemen-elemen budaya.

### **Islam Agama sarwajagat**

Ustazah Salmi menyatakan bahawa agama Islam merupakan agama yang bersifat universal kerana ajaran Islam bersesuaian untuk diamalkan oleh sesiapa sahaja dan di mana sahaja. Ajaran Islam sentiasa mengajar umatnya untuk sentiasa berbuat baik kepada sesiapa sahaja termasuklah kepada golongan bukan Islam dan lebih-lebih lagi golongan yang baru sahaja memeluk Islam. Dengan memberikan contoh-contoh amalan hidup mereka ketika belum memeluk Islam yang tidak bercanggah dengan Islam akan dapat menggambarkan bahawa ajaran Islam adalah universal. Ini dijelaskan oleh beliau melalui petikan temu bual berikut:

*“walaupun dia tu baru masuk Islam ka apakah, ok, kita ambil dia punya cara hidup yang sebelum dia Islam tadi kan, kita ambil contoh dalam pengajaran kita, mungkin dia lepas itu kata, oh, macam ni rupanya. Islam ni universal” (Ustazah Salmi S4 2013:TB1/P112).*

Hal ini juga memudahkan lagi integrasi dalam adalah kaum dan menunjukkan kesyumulan ajaran itu sendiri. Ini dinyatakan oleh Ustaz Mawi melalui temu bual berikut:

*“Islam ialah sentiasa berbuat baik walaupun terhadap bukan Islam dan faktor agama Islam ni lah yang memudahkan lagi integrasi lah antara kaum...” (Ustaz Mawi S2 2013:TB3).*

## **KEKANGAN YANG DIHADAPI DALAM MELAKSANAKAN PENERAPAN ELEMEN BUDAYA**

### **Kekangan masa**

Peserta kajian di S1-S6 mengatakan bahawa kekangan masa juga merupakan satu masalah buat mereka dalam melaksanakan pendidikan pelbagai budaya ini. Keadaan ini berlaku kerana kesibukan mereka untuk mengejar sukanan pelajaran. Hal ini diperakui oleh guru Pendidikan Islam kerana mereka perlu mengambil masa dalam menerapkan elemen-elemen pelbagai budaya, lebih-lebih lagi guru juga perlu meraikan soalan-soalan murid. Ini dijelaskan melalui petikan temu bual berikut:

*“mungkin pertama dari segi masa lah. Masakan, kita nak sampaikan objektif dalam masa yang sama kita tak dapat nak bagi. Macam kita nak cari banyak contoh, ataupun apa...aaa...mungkin secara sikit kita boleh terap, tapi nak cari banyak tu memang tak dapatlah. Itulah kekangannya...” (Ustazah Hamni S5 2013: TB1/P123).*

Ini dijelaskan oleh Ustazah Lyn melalui petikan temu bual berikut:

*“kekangan masa tetap ada. Kita lebih banyak menghabiskan masa (selepas pengajaran dan pembelajaran) menyemak buku, kemudian dokumentasi lagi, kena buat rekod, lebih banyak masa dihabiskan di situ” (Ustazah Lyn S6 2013:TB1/P130).*

Kedua-dua peserta kajian ini menjelaskan tumpuan guru semasa proses pengajaran sebenarnya untuk mencapai objektif yang ditetapkan pada hari tersebut. Disebabkan kekangan masa, guru tidak mampu untuk memberikan contoh yang banyak tentang pelbagai budaya cuma menyelitkan sedikit dalam pengajaran beliau.

Ini selari dengan kajian-kajian terdahulu yang juga mendapati guru sekolah bukan sekadar mengajar malah kebanyakan masa mereka juga digunakan untuk tugas-tugas perkeranian seperti menyemak buku (Rieg et al., 2007), membuat dan menguruskan dokumentasi dan segala rekod yang berkaitan (Fazura, 2011), tumpuan guru semasa proses pengajaran sebenarnya untuk mencapai objektif yang ditetapkan pada hari tersebut. Disebabkan kekangan masa, guru tidak mampu untuk memberikan contoh yang banyak tentang pelbagai budaya cuma menyelitkan sedikit dalam pengajaran beliau. Begitu juga Najeemah (2006) dan Noor Lela (2008), yang juga

mendapati untuk menerapkan nilai murni antara masalah yang dihadapi ialah kekangan masa, kurang pengetahuan dan kemahiran dari aspek penerapan nilai, beban tugas yang padat dan kekurangan bahan rujukan yang bersesuaian menjadi penghalang kepada proses penerapan nilai secara berkesan.

### Kekangan Guru

Kebanyakan guru di S1-S6 bersetuju menyatakan bahawa antara masalah yang mereka hadapi dalam melaksanakan amalan pendidikan pelbagai budaya ini adalah disebabkan oleh sikap guru itu sendiri. Penyelidik mendapati masih ada dalam kalangan guru-guru Pendidikan Islam yang masih tidak di awal penempatan mereka di sebuah sekolah. Sikap ini menyebabkan mereka tidak berminat untuk mempelajari serta memahami budaya setempat sekolah tersebut malah didapati juga guru-guru ini seolah-olah tidak dapat menerima apa yang berlaku di sekeliling. Ustaz Mawi memberikan contoh beberapa isu;

*“...ada sesetengah rakan guru yang mungkin dia tak setuju dia di posting kan ke tempat tersebut, jadi dia kurang berinteraksi dengan masyarakat. Jadi dia hanya pergi sekolah, balik sekolah...terhenti setakat itu sahaja”* (Ustaz Mawi S2 2013:TB1).

Guru-guru ini seolah-olah tidak dapat menerima apa yang berlaku di sekeliling. Sikap sebegini akan menyebabkan mereka tidak mahu untuk belajar. Apa yang penting bagi guru-guru sebegini adalah mengajar dan menghabiskan sukan pelajaran sahaja: *“...jadi kat situ, dia kurang memahami budaya setempat akibat kurang bergaul, tidak bermasyarakat”* (Ustaz Mawi S2 2013:TB1).

Perkara ini selari dengan kajian oleh Salasiah (2012) yang membincangkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan, pemahaman dan kompetensi guru dengan sikap dan kesedaran mereka terhadap pengajaran pendidikan pelbagai budaya dalam pengajaran. Malah, guru-guru ini cukup sekadar mereka menghabiskan sukan pelajaran dan menumpukan kepada peperiksaan sahaja, kerana pada mereka pengetahuan dan pemahaman tentang budaya bukan merupakan satu kepentingan. Ini juga selari dengan kajian oleh Najeemah (2006) yang mendapati kebanyakan guru kesuntukan masa dan tidak merasakan pendidikan pelbagai budaya ini merupakan satu kepentingan; malah guru juga tidak bermotivasi untuk belajar kaedah dan teknik pengajaran berkesan dalam merealisasikan pengajaran pendidikan pelbagai budaya ini dalam pengajaran mereka.

Oleh itu kita tidak boleh menyalahkan murid sekiranya mereka tidak kenal dengan satu-satu budaya kalau guru itu sendiri tidak mahu mengambil tahu tentang budaya lain selain budaya Melayu; malah ada guru yang tidak begitu faham tentang budaya terutama budaya masyarakat Sarawak. Berdasarkan penelitian penyelidik, ada dalam kalangan guru ini walaupun sudah 12 tahun berada di Sarawak namun masih tidak boleh berkomunikasi menggunakan bahasa Sarawak dan mengakui kurang mengetahui budaya-budaya masyarakat setempat. Walaupun bagaimanapun, guru-guru ini tetap menyatakan bahawa penggunaan bahasa dan pengetahuan tentang adat budaya ini sangat membantu dalam pengajaran mereka, termasuklah dapat merapatkan hubungan mereka dengan murid. Hal ini menjadikan mereka tidak bermotivasi untuk mengubah amalan-amalan yang biasa digunakan dalam bilik darjah kepada satu kaedah yang lebih berkesan.

### Kurang membaca

Masalah kurang membaca juga menjadi salah satu masalah dalam melaksanakan pendidikan pelbagai budaya ini. Guru pendidikan Islam mengakui bahawa tugas pengurusan juga dilakukan oleh guru, maka guru tidak mempunyai masa untuk membaca bahan atau buku yang berkaitan dengan pelbagai budaya, lebih-lebih lagi dalam situasi sekolah dan sistem pendidikan yang masih berorientasikan peperiksaan, dan dalam desakan untuk menghabiskan sukan pelajaran. Ustazah Zaimah melalui petikan temu bual berpendapat: *“kadang-kadang masa nak membaca tu pun kurang kalau kita nak baca buku berkaitan dengan tu kan...”* (Ustazah Zaimah S1 2013:TB1)

Apa yang dimaksudkan oleh beliau adalah budaya-budaya masyarakat lain seperti budaya adanya;

*“budaya Iban, Bidayuh apa kan, ok, pembacaan kurang lah, jadi bila pembacaan kurang ni, so memang kita tak adalah maklumat...”*

(Ustazah Zaimah S1 2013:TB1)

Sebagai contoh, kurangnya pembacaan oleh guru menyebabkan guru tidak sedar bahawa wujudkan konsep kepelbaaan budaya dalam sekolah. Ini diperakui oleh Ustazah Hamni dan Ustazah Lyn; “*kurang pembacaan. Rupa-rupanya ada benda ni*” (Ustazah Hamni S5 2013:TB1)/Ustazah Lyn S6 2013:TB1)

## PERBINCANGAN

Sebagai contoh, dalam konteks menerapkan elemen pelbagai budaya ini, guru perlu memiliki kemahiran dalam memberikan penjelasan kepada murid yang mana budaya yang boleh diamalkan dan budaya yang tidak boleh diamalkan serta memberikan penjelasan mengapa budaya tersebut boleh atau tidak boleh diamalkan. Secara tidak langsung ia merupakan cara guru berdakwah kepada murid, supaya mereka jelas bagaimana melakukan sesuatu budaya yang diwarisi daripada nenek moyang mereka diamalkan mengikut cara Islam yang sebenar. Pendekatan sebegini bertepatan beliau gunakan dalam menarik murid-murid yang masih lagi keliru untuk membezakan antara budaya yang Islam dan amalan yang hanya diwarisi daripada keluarga. Hal ini kerana masih ada beberapa budaya yang tidak boleh diamalkan, justeru dalam perkara sebegini guru Pendidikan Islam perlu menggunakan pendekatan secara berhikmah agar nilai-nilai budaya dan tradisi masyarakat yang banyak berpaksikan kepada adat dan kepercayaan mereka bertukar kepada amalan berpandukan kepada al-Quran dan Al-Sunah.

Peserta kajian juga menganggap usaha untuk berdakwah kepada pelajar ini merupakan satu amalan yang dilakukan secara berterusan dan bersungguh-sungguh dan perlu mengambil kira sensitiviti pelbagai agama yang terdapat di sekolah tersebut. Hal ini terutama bila sekolah tersebut mempunyai murid bukan Islam yang lebih ramai berbanding murid yang beragama Islam. Kerencaman pelbagai budaya ini amat memerlukan guru berhati-hati dalam memberikan contoh dan penerangan tentang sesuatu perkara supaya tidak menyentuh isu-isu yang sensitif. Usaha dakwah berhikmah ini tidak terhenti kepada murid-murid bukan Islam sahaja malah ia juga melangkaui dalam kalangan guru-guru yang bukan Islam. Maka, setiap pendakwah perlu mempunyai kemahiran atau metode dakwah yang berasaskan kepada Firman Allah dalam Surah Al-Nahl: 125 yang bermaksud:

*“Serulah manusia (wahai Muhammad) kepada jalan Tuhan-Mu dengan hikmat dan mau’izah (nasihat) yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik”.*

Keperluan kepada penerapan elemen-elemen pelbagai budaya ini merupakan salah satu daripada perkara yang dituntut agama. Sebagai salah satu daripada tuntutan agama, maka penerapan elemen ini juga secara tidak langsung akan memartabatkan Islam itu sendiri. Peserta kajian berpendapat bahawa pemahaman terhadap konsep kerja sebagai satu ibadat, menjadikan guru-guru ini begitu mengambil berat dan prihatin terhadap pelajar mereka. Perkara ini telah kelihatan semasa guru menjelaskan konsep kerja sebagai satu ibadat ini; ini dapat digambarkan di mana guru sekolah menangis dan sebak apabila penyelidik bertanyakan kepada keperluan pendidikan pelbagai budaya ini. Bagi peserta kajian mereka melihat bahawa ini adalah sebagai satu pelaburan bagi mereka di akhirat. Isyarat ini menunjukkan bahawa guru-guru ini sangat ikhlas dalam mendidik mereka dan prinsip-prinsip keikhlasan inilah yang dikehendaki oleh Al-Ghazali (1988) dalam membincangkan adab-adab seorang guru.

Agama Islam merupakan agama yang bersifat universal kerana ajaran Islam bersetujuan untuk diamalkan oleh sesiapa sahaja dan di mana sahaja. Ajaran Islam sentiasa mengajar umatnya untuk sentiasa berbuat baik kepada sesiapa sahaja termasuklah kepada golongan bukan Islam dan lebih-lebih lagi golongan yang baru sahaja memeluk Islam. Justeru konsep *birr* (berbuat baik) di sini meliputi semua kebaikan dan pergaulan secara meluas (al-Qardawi, 1989). Dengan memberikan contoh-contoh amalan hidup mereka ketika belum memeluk Islam yang tidak bercanggah dengan Islam akan dapat menggambarkan bahawa ajaran Islam adalah universal.

Peserta kajian telah menyatakan bahawa agama Islam bukan hanya sekadar agama malah lebih kepada satu cara hidup, agama Islam bukanlah agama yang hanya dilabelkan kepada orang Melayu sahaja. Oleh kerana sifat Islam itu sebagai satu agama yang universal, Islam amat menekankan konsep persaudaraan di mana setiap orang Islam adalah bersaudara. Oleh itu ajaran Islam sentiasa mengajar umatnya untuk berbuat baik dengan sesiapa sahaja termasuklah orang bukan Islam. Hal inilah yang memudahkan lagi integrasi antara kaum dan menunjukkan kesyumannya ajaran itu sendiri.

## KESIMPULAN

Melalui proses penerapan elemen-elemen pelbagai budaya ini, konsep berhikmah dalam dakwah dilaksanakan dengan cara yang cukup mudah. Pengawalan disiplin dan peningkatan profesionalisme juga dapat ditingkatkan terutama dalam memperbaiki amalan pengajaran harian. Kemahiran guru dalam menggunakan strategi, pendekatan, kaedah pengajaran berkesan dan teknik yang bersesuaian dapat membantu guru dalam menerapkan elemen-elemen yang signifikan dengan murid yang datangnya daripada pelbagai budaya. Kebijaksanaan guru memilih metodologi pengajaran akan menjadikan pengajaran guru dan pembelajaran murid lebih bermakna dan berkesan. Selain itu, guru perlu bertindak sebagai *role model* kepada warga sekolah dan masyarakat, sebagai pendakwah, pendidik serta pembimbing kepada pelajar dan bukannya hanya berperanan sebagai seorang guru yang akan menyampaikan isi kandungan pelajaran semata-mata.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. (2005, Mac 1). *Hala tuju dan cabaran Pendidikan Islam dalam era globalisasi*. Pembentangan dalam Seminar Pendidikan dan Penghayatan Islam Anjuran Jabatan TITAS, Universiti Pendidikan Sultan Idris,Tanjong Malim.
- Ab. Halim Tamuri, & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff. (2010). Isu pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. Dlm. Ab. Halim Tamuri & Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff (pnyt.), *Kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam*, hlm. 30. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Latif Abu Bakar. (1999). *Konsep patriotisme dan nasionalisme*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Ahmad Ali Seman. (2011). Keberkesanan modul pengajaran dan pembelajaran sejarah berteraskan perspektif kepelbagaian budaya terhadap pembentukan integrasi nasional. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Ali Seman, & Wati Bt Kimi. (2012). Pendidikan multikultural (kepelbagaian budaya) Dalam Mata Pelajaran Hubungan Etnik Dari Perspektif Islam: Satu Pandangan.
- Ahmad D. Marimba. (1980). *Pengantar filsafat Pendidikan Islam*. Bandung, Indonesia: Al-Ma'arif.
- Ahmad Mohd Salleh. (1997). *Pendidikan Islam: Falsafah, pedagogi dan metodologi*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Ahmad Munawar Ismail. (2009). *Pengaruh aqidah terhadap penghayatan akhlak murid-murid sekolah menengah di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Ghazali, al-Imam Abu Hamid Muhammad ibn al-Ghazali. (1988). *Ihya' 'Ulumuddin Jiwa Agama*. Terj. Tk. Hj Ismail Yaakub Sh. Kuala Lumpur: Victory Ajensi.
- al-Qardawi, Yusuf. (1989). *Kedudukan non Muslim dalam negara Islam*. Shah Alam: Shah Alam.
- Al-Quran al-Karim. Tafsir pimpinan Ar-Rahman kepada pengertian al-Quran: (30 juz). Ed. Ke 12. Kuala Lumpur: Darul fikir.
- al-Syaibani, Omar Muhammad Al Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Atan Long. (1991). *Psikologi pendidikan*.Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka
- Azhar Ahmad. (2006). *Strategi pembelajaran pengaturan kendiri Pendidikan Islam murid-murid sekolah menengah Di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azyumardi Azra. (2012). *Pendidikan Islam tradisi dan modernisasi di tengah tantangan milenium III*. Jakarta, Indonesia: Kencana Prenada Media Group.
- Banks, J. A., & Cherry, A. M. B. (2005). *Multicultural education: Issues and perspectives*. New York, NY: Wiley.

- Banks, J. A. (1993). *An introduction to multiculture education*. Boston, MA: Allyn & Bacon.
- Brand, R. E. (2007). *Educators' perceived preparedness regarding the needs of culturally diverse students*. Master of Science thesis, State University of New York.
- Che Noraini Hashim. (2005). Keruntuhan akhlak dan pembangunan remaja masa kini: Cabaran pendidikan Islam di Malaysia. Dlm. *Pendidikan Islam ke arah kemanusiaan sejagat: Prosiding Wacana Pendidikan Islam* (hh. 19-28).
- Fathiyah Fakhruddin. (2010). *Penerapan elemen falsafah pendidikan Islam dalam pengajaran Pendidikan Islam*. Tesis Dr. Fal, Universiti Putra Malaysia.
- Fazura Mohd Noor. (2011). *Faktor-faktor penentu Stres dalam kalangan guru-guru: Kajian di sekolah rendah mubaligh di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana Pendidikan, Centre for Graduate Studies Open University Malaysia
- Hassan Langgulung. (1980). *Beberapa pemikiran tentang Pendidikan Islam*. Bandung, Indonesia: Al-Ma'arif.
- Ifa Afida. (2012). *Strategi guru dalam menerapkan nilai-nilai multikultural di SMA Negeri Yosowilangun Kabupaten Lumajang*. Program Pascasarjana UIN Sunan Kalijaga. Yogyakarta. Magister Studi Islam. Ismail Ibrahim, Mohd Yusof Hj Othman, Jawiah Dakir, Lilia Halim, Zakaria Stapa, Ibrahim Abu Bakar,
- Noor Atiqah Abd Rahman. (2011). *Laporan Penyelidikan keberkesanan Pendidikan Islam dalam pendidikan kebangsaan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamaruddin Hj Abu Hassan. (2006). *Penerapan nilai Islam bersepada dalam model reka bentuk perisian multimedia pendidikan Geografi Tingkatan 6*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2002). *Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam Dan Moral & Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral, KPM.
- Ladson-Billings, G. (2000). But that's just good teaching. Dlm. J Noel (pnyt.), *Sources-Notable Selections in Multicultural Education* (hh. 206-216). New York, NY: Dushkin/McGraw-Hill.
- Mohd. Aderi Che Noh. (2008). Hubungan antara amalan pengajaran guru dan pencapaian tilawah al-quran murid tingkatan dua di Malaysia.Tesis Fakulti Pendidikan,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2002). *Falsafah Dan Sejarah Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Najeemah Mohd Yusof. (2005). Multicultural education practice among teachers in National Secondary schools: A case study in Kedah. *Jurnal Pendidik dan Pendidikan*, 20, 97-111.
- Najeemah Mohd Yusof. (2006). *Konsep pendidikan*.Kuala Lumpur: PTS.
- Nazri Muslim, Nik Yusri Musa, & Ahmad Hidayat Buang. (2011). Hubungan etnik di Malaysia dari perspektif Islam. *Kajian Malaysia*, 29(1), 1-28.
- Noor Lela Ahmad. (2008). *Amalan penerapan nilai murni guru perakaunan dalam pengajaran prinsip perakaunan*.Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan,Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rieg, S., & Paquette, K. (2007). Coping with stress: An investigation of novice teachers' stressors in the elementary classroom. *Education*, 128(2), 211-226.
- Rina Hanipah Muslimah. (2010). *Analisis nilai-nilai pendidikan multikultural dalam teks mata pelajaran*

*pendidikan agama islam SMA Kelas X.* Tesis Sarjana Strata Satu Pendidikan Islam, Fakultas Tarbiyah dan Keguruan UIN Sunan Kalijaga Yogyakarta.

Robert Walter, P. F. (2007). *Determining the validity and reliability of the Cultural Awareness and Beliefs Inventory.* Tesis Ph.D, Office of Graduate StudiesTexas A&M University.

Ross, D. A. (2008). Culturally competent and socio-politically conscious teaching: A teacher Educator Works to Model the Journey to critical cultural competence. *International Journal of Multicultural Education*, 10(1), 1-13.

Saidatul Nornis Hj Mahali, & Budi Anto Mohd.Tamring. (2011). *Pluraliti dalam kearifan lokal di Sabah.* (215-225). Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.

Salasiah Hashim. (2012). *Kompetensi, sikap dan kesedaran guru pra sekolah dalam pengajaran multibudaya.* Tesis Sarjana Pend. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Samsudin Suhaili. (2006). *Pendidikan Pelbagai Budaya: Komik Mat Som sebagai bahan bantu mengajar.* Tanjung Malim, Malaysia: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub, & Mohd. Zohir Ahmad. (2003). *Pedagogi strategi dan kaedah mengajar dengan berkesan.* Bentong, Malaysia: PTS.

Sidek Baba. (2006). *Pendidikan Rabbani mengenal Allah melalui ilmu dunia.* Shah Alam Selangor: Karya Bestari.

Suhaimi Muhamad. (2008). *Tahap kesediaan guru terhadap pelaksanaan model pengajaran simulasi bagi mata pelajaran Pendidikan Islam.* Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Mara.

Syed Abdurahman Syed Hussin. (2005). Pendekatan taghrib dan tarhib dalam penyampaian dakwah. *Jurnal Usuluddin*, 21, 117-138.

Syed Ismail Syed Mustapha, & Ahmad Subki Maskom. (2010). *Budaya dan pembelajaran.* Puchong, Malaysia: Penerbitan Multimedia.

Wubels, T., & Den Brok, P. (2008). Teacher profesionalism in multicultural classrooms. Dlm. J. A. P. Ponte (pnyt.), *The teaching profession in Dutch educational practice* (hh. 129-144). The Netherlands: Sense Publisher.